

TINTA

E-BULLETIN

Bulan

APRIL BIL. 04/ 2024

RUANGAN PERKONGSIAN MAKLUMAT

PERASMIAN PROGRAM,

Program Jom Baca Bersama 10 minit telah dirasmikan oleh YB Mohd Najwan Halimi, Exco Belia, Sukan dan Kesusahawanan negeri Selangor.

Sesi perasmian ini telah diadakan di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) pada 23 April 2024 bermula jam 10.30 pagi sehingga selesai.

PUSTAKA RAJA TUN UDA SHAH ALAM شاه عالم



JOM BACA BERSAMA 10 MINIT

Bersempena dengan sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia pada 23 April 2024, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor akan mengadakan program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit pada 23 April 2024 secara SERENTAK di seluruh Malaysia dengan penglibatan segenap lapisan masyarakat.

Perpustakaan Imam Al-Syafi'i turut meraikan program ini dengan mengajak seluruh warga UIS untuk sama-sama menyertai program ini. Selain itu, 5 orang wakil daripada Perpustakaan Imam Al-Syafi'i turut bersama-sama hadir ke PPAS untuk menyertai perasmian dan membaca bersama 10 minit di sana.



10 minit
23 April 2024
11.00 pagi - 11.10 pagi

Jom
Baca
Bersama
Baca dan Bahagia

Pembacaan Melestarikan Perpaduan

www.ppas.gov.my

[f](#) [i](#) [v](#) [t](#) [x](#) @selangorlibrary

SESI PEMASANGAN ISRA CORNER

Pemasangan ISRA CORNER telah bermula pada 22/4/2024. Pemasangan ini dimulai dengan memasang perabot berwarna putih terlebih dahulu.

Selain itu, buku-buku turut diserahkan kepada pihak perpustakaan untuk diproses dan diletakkan di perabot berwarna putih yang disediakan.

Pemasangan pelekat berkaitan ISRA CORNER pula dipasangkan kemudian iaitu pada 25/4/2024.

Penyediaan ruangan ISRA CORNER diharapkan agar dapat membantu para pelajar meningkatkan lagi ilmu yang dipelajari melalui pembacaan di sudut ISRA CORNER mahupun melalui bahan online yang boleh diakses di komputer yang diletakkan di ruangan ISRA CORNER

